

Tiga Dekad Hospitaliti: Resorts World Kijal Raikan Ulang Tahun ke-30 dengan Festival Meriah

Kijal, Terengganu, 21 Ogos 2026 – Resorts World Kijal (RWK) bakal meraikan ulang tahun ke-30 menerusi Festival Ulang Tahun ke-30 Resorts World Kijal 2026, yang akan berlangsung dari 28 hingga 30 Ogos 2026. Berlangsung selama tiga hari, festival tersebut menghimpunkan pelbagai aktiviti hiburan, sajian tempatan, pengalaman kekeluargaan serta program berteraskan kelestarian bagi mengalu-alukan pengunjung untuk bersama-sama meraikan tiga dekad RWK dalam industri hospitaliti di Pantai Timur.

Festival ini akan dirasmikan pada 28 Ogos 2026 dengan persembahan kebudayaan dan acara simbolik pelepasan anak penyu, sekali gus membuka tirai kepada sambutan hujung minggu yang mengetengahkan warisan, komuniti serta keindahan alam semula jadi Kijal.

Tiga Dekad Hospitaliti di Nadi Kijal

Sejak mula beroperasi pada tahun 1996 dengan nama Awana Kijal, RWK telah berkembang menjadi antara destinasi peranginan tepi pantai yang terkenal di Terengganu. Resort ini terus menjadi pilihan pelancong dari dalam dan luar negara, dengan panorama pesisir pantai yang memukau, suasana yang mendamaikan serta pelbagai aktiviti mesra keluarga yang ditawarkan untuk dinikmati bersama insan tersayang.

Festival Ulang Tahun ke-30 ini meraikan perjalanan tiga dekad RWK menerusi pelbagai aktiviti yang mengetengahkan keunikan resort, di samping menggabungkan keindahan pantai dengan warisan dan budaya Terengganu yang kaya.

Muzik, Cita Rasa dan Aktiviti Keluarga Meriahkan Festival

Sepanjang festival berlangsung, pengunjung berpeluang menikmati pelbagai persembahan kebudayaan, hiburan secara langsung serta aktiviti menarik yang sesuai untuk seisi keluarga. Warisan budaya Terengganu turut diserlahkan menerusi tarian tradisional, gamelan, demonstrasi silat serta persembahan artis tempatan dan pemuzik jalanan yang bakal memeriahkan festival.

Pengalaman kuliner turut menjadi antara tarikan festival, dengan pelbagai hidangan tempatan dan juadah tradisional Terengganu, selain sajian kopi istimewa serta demonstrasi masakan secara langsung. Pengunjung turut berpeluang menerokai pelbagai gerai yang menawarkan produk tempatan seperti kraftangan, batik, produk kesihatan dan kecantikan serta pelbagai barangan unik yang mencerminkan kreativiti dan warisan masyarakat setempat.

Bagi seisi keluarga pula, pelbagai aktiviti menarik menanti, termasuk Turtle Fun Run, Sukan Rakyat dan zoo mini yang menawarkan pengalaman santai dan menyeronokkan untuk dinikmati bersama. Menjelang malam, suasana festival akan terus dimeriahkan dengan persembahan busker, pertunjukan api serta pertunjukan bunga api sebagai acara kemuncak sambutan.

Menghargai Khazanah Alam Pantai Timur

Sebagai destinasi peranginan yang berlatarbelakangkan keindahan pantai Kijal, sambutan ulang tahun ini turut meraikan khazanah alam semula jadi yang menjadi sebahagian daripada identiti RWK sepanjang tiga dekad.

Pantai Kijal merupakan antara kawasan pendaratan penyu yang penting, termasuk Penyu Agar (Green Turtle) dan Penyu Karah (Hawksbill Turtle). Ekosistem pesisir pantainya turut menjadi sebahagian daripada identiti destinasi ini, di samping mencerminkan komitmen RWK dalam menghargai dan memelihara khazanah alam semula jadi di kawasan berkenaan. Sepanjang tiga hari festival, program pelepasan anak penyu akan diadakan setiap hari, memberi peluang kepada pengunjung untuk menyaksikan pengalaman tersebut serta memahami kepentingan usaha pemuliharaan penyu dan ekosistem marin.

Pengunjung turut berpeluang mengambil bahagian dalam pelbagai inisiatif kelestarian, termasuk gotong-royong membersihkan pantai, penanaman pokok dan program kesedaran alam sekitar. Menerusi penglibatan ini, pengunjung bukan sahaja dapat menikmati keindahan alam semula jadi di sekitar resort, malah berpeluang memahami kepentingan memelihara dan melindungi alam sekitar demi kesejahteraan generasi akan datang.

Alami Sendiri Pengalaman Pemuliharaan Penyu di Kijal

Bagi pengunjung yang ingin meneroka keunikan alam semula jadi Kijal di luar tempoh festival, RWK turut menawarkan pakej percutian khas “Be A Seaturtle Superhero”, yang tersedia untuk tempahan sehingga 31 Oktober 2026.

Menerusi pakej ini, tetamu berpeluang menyaksikan sendiri aktiviti pelepasan anak penyu di pantai persendirian resort, sekali gus menikmati pengalaman lebih dekat dengan salah satu khazanah alam semula jadi ikonik Terengganu. Memandangkan aktiviti pelepasan anak penyu bergantung kepada kitaran semula jadi, ketersediaannya akan disahkan semasa daftar masuk. Sekiranya aktiviti pelepasan tidak dapat dijalankan sepanjang tempoh penginapan, pengalaman alternatif seperti aktiviti penanaman telur penyu akan disediakan.

Pakej tiga hari dua malam ini merangkumi penginapan di Bilik Premier Seaview, sarapan bufet untuk dua orang serta satu pengalaman pelepasan anak penyu. Pakej ini ditawarkan pada harga RM740 untuk ahli Genting Rewards Card dan RM800 untuk bukan ahli.

Festival Ulang Tahun ke-30 Resorts World Kijal 2026 menjadi tanda penghargaan atas segala kenangan dan pengalaman yang telah dikongsi bersama para tetamu, kakitangan, rakan kerjasama serta komuniti setempat sepanjang tiga dekad lalu.

Lebih daripada sekadar sambutan ulang tahun, acara ini mencerminkan komitmen berterusan RWK dalam menawarkan pengalaman hospitaliti yang menghubungkan tetamu dengan keindahan alam semula jadi dan kekayaan budaya tempatan, di samping menyokong hubungan erat dengan komuniti setempat.

Untuk maklumat lanjut, layari rwkijal.com atau ikuti platform media sosial rasmi RWK.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

publicrelations@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan

kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.